

19 NOV 2002
JAMALUDDIN-MENTERI/I
DATUK JJ DILANTIK MENTERI KEWANGAN II

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis telah dilantik sebagai Menteri Kewangan II, demikian menurut Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini.

Pelantikan beliau berkuatkuasa 21 Nov. 2002.

Menteri Kewangan adalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengambil alih daripada Tun Daim Zainuddin pada 1 Jun 2001.

Dua orang Timbalan Menteri Kewangan adalah Datuk Dr Shafie Salleh dan Datuk Chan Kong Choy, sementara Setiausaha Parliman kepada Kementerian Kewangan adalah Hashim Ismail.

Jamaluddin, 51, yang merupakan Ahli Parlimen Rompin adalah seorang jurutera. Beliau merupakan orang kedua yang dilantik sebagai Menteri Kewangan II.

Datuk Mustapa Mohamed, pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, memegang jawatan itu di antara Sept. 1998 dan Nov. 1999.

Jamaluddin dilantik timbalan pengerusi TNB pada 5 Ogos 2000, dan pada 1 Sept 2000, dilantik sebagai pengerusi bukan eksekutif TNB.

Kontraknya dengan TNB dilanjutkan selama dua tahun mulai 1 Sept 2002 setelah kontrak dua tahunnya tamat pada 31 Ogos 2002.

Penglibatan beliau dalam sektor swasta bermula pada 1981 apabila menjadi jurutera perunding di J&A Associates, dan pada 1984, dilantik pengarah urusan EPE Power Corporation Bhd.

Pada Feb. 1988, beliau menjadi pengerusi Koperasi Belia Nasional (KOBENA).

Jamaluddin yang dilahirkan pada 25 Mei 1951 di Pekan, Pahang, memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sain dari University of Manchester di United Kingdom pada 1974, dan Ijazah Sarjana dari University of Manitoba pada 1977, dan ijazah Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektrikal) dari McGill University di Kanada pada 1980.

Antara 1974 dan 1980, beliau menjadi pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia. Dalam tempoh itu, beliau menjalankan beberapa program penyelidikan dan pembangunan berhubung industri tenaga. -- BERNAMA

MR SD JR